



29 Jun 2013
29 June 2013
P.U. (A) 209

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH PERKHIDMATAN KEWANGAN ISLAM (AMAUN MINIMUM DANA MODAL ATAU LEBIHAN ASET BERBANDING LIABILITI)(ORANG BERLESEN) 2013

*ISLAMIC FINANCIAL SERVICES (MINIMUM AMOUNT OF
CAPITAL FUNDS OR SURPLUS OF ASSETS OVER
LIABILITIES)(LICENSED PERSON) ORDER 2013*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PERKHIDMATAN KEWANGAN ISLAM 2013

**PERINTAH PERKHIDMATAN KEWANGAN ISLAM (AMAUN MINIMUM DANA MODAL
ATAU LEBIHAN ASET BERBANDING LIABILITI) (ORANG BERLESEN) 2013**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 12(1) Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 [*Akta 759*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Perkhidmatan Kewangan Islam (Amaun Minimum Dana Modal atau Lebihan Aset Berbanding Liabiliti) (Orang Berlesen) 2013**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 30 Jun 2013.

Pemakaian

2. Perintah ini terpakai bagi orang berlesen.

Tafsiran

3. Dalam Perintah ini—

“pengendali takaful semula profesional asing berlesen” ertinya seorang pengendali takaful semula yang diperbadankan di luar Malaysia yang diberi lesen di bawah seksyen 10 Akta untuk menjalankan perniagaan takaful semula sahaja;

“pengendali takaful semula profesional berlesen” ertinya seorang pengendali takaful semula yang diperbadankan di Malaysia yang diberi lesen di bawah seksyen 10 Akta untuk menjalankan perniagaan takaful semula sahaja.

Dana modal minimum

4. Amaun minimum dana modal bagi orang berlesen yang merupakan suatu syarikat hendaklah mengikut amaun yang ditentukan dalam Jadual 1.